

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT , MESYUARAT KETIGA,
PENGAL KEDUA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG LING BIU

[SARIKEI]

TARIKH SOALAN : 5 DISEMBER 2019

SOALAN NO. 23

minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan apakah yang dilakukan oleh Kementerian dalam mempromosikan usahawan untuk kumpulan B40.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) sentiasa menggalakkan penglibatan orang awam dalam bidang keusahawanan terutamanya B40, belia, orang kelainan upaya (OKU), orang asli/asal, wanita dan Bumiputera. Tumpuan khusus diberikan dengan menyediakan pelbagai sokongan dan platform untuk menarik minat golongan usahawan tersebut supaya terlibat secara serius dan menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan.
2. Perkara ini adalah selaras dengan Teras 3 Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) 2030 iaitu Merangsang Pembangunan Keusahawanan Bersepadu dan Holistik. Melalui teras tersebut, antara inisiatif yang telah digariskan adalah seperti berikut :
 - (i) Memperkasakan program capaian (*outreach*) kepada golongan terpinggir termasuk B40, kawasan pedalaman dan OKU;
 - (ii) Program bantuan dan intervensi bersasar untuk meningkatkan keupayaan dan kemahiran;
 - (iii) Mewujudkan “ruang inkubasi asas” di kawasan pedalaman dan ekonomi terpinggir (*economically depressed*) untuk usahawan baharu; dan
 - (iv) Memperkasa gerakan koperasi dalam kalangan B40 dan masyarakat luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Walaupun DKN 2030 baru sahaja dilancarkan dan inisiatif yang digariskan masih di peringkat perancangan, usaha serta langkah-langkah yang telah diambil oleh MED bagi mempromosikan keusahawanan untuk kumpulan B40 adalah seperti berikut :

(i) Penyediaan latihan secara khusus dan berstruktur

Antara program latihan keusahawanan yang telah diperkenalkan oleh MED dalam membantu golongan usahawan B40 adalah

NO. SOALAN: 23

Program Rintis Usahawan Tani Fertigasi (PRINT). Program ini merupakan galakan keusahawanan dalam bidang tanaman Fertigasi dan telah mula dilaksanakan pada tahun ini di Terengganu. Menerusi PRINT, golongan usahawan ini dapat menambah baik sistem tanaman, meningkatkan tahap perniagaan, dan meningkatkan hasil jualan.

MED melalui SME Corp. Malaysia telah melaksanakan **Program Rangkaian Mikro (Micro Connector).** Program pembangunan kapasiti ini disediakan kepada usahawan mikro di peringkat permulaan untuk memulakan dan menjalankan perniagaan. Sehingga September 2019, sejumlah 5 syarikat telah dilantik bagi melatih dan menyediakan perkhidmatan kepada B40/usahawan mikro dengan seramai **18 orang peserta B40** telah menerima manfaat.

Di bawah SME Corp. juga, terdapat program untuk usahawan wanita B40 iaitu **Program Women Netpreneur & Digital Business Workshop.** Program ini mendedahkan usahawan wanita kepada platform dalam talian serta menggalakkan mereka untuk terlibat dalam perniagaan dalam talian. Pada tahun 2019, seramai 232 peserta telah mengikuti program latihan ini yang dilaksanakan di Kuching dan Miri, Sarawak, Sabah dan di Kuala Lumpur.

Selain daripada itu, **Program Pemangkin Usahawan Sosial Hebat (PUSH)** dibawah MaGIC telah dilaksanakan bagi memberi peluang kepada golongan usahawan B40 dan luar bandar dalam menceburi bidang perniagaan *francais*.

(ii) Kemudahan akses kepada pembiayaan

Sejajar dengan matlamat Kerajaan untuk membantu golongan berpendapatan rendah B40 ini, MED melalui TEKUN Nasional telah menawarkan program pembiayaan secara berkumpulan seperti **TEMAN Tekun dan TemanNita** dengan pembiayaan maksimum yang ditawarkan sehingga RM20,000 dengan tempoh bayaran balik selama 3 tahun.

NO. SOALAN: 23

Selain program tersebut, TEKUN juga menawarkan pelbagai skim pembiayaan yang lain seperti TEKUN Niaga dan TEKUN SPUMI dengan pembiayaan mikro kredit daripada RM1,000 sehingga RM100,000 dengan tempoh pembiayaan sehingga 10 tahun. Bagi tahun 2019 sehingga Ogos, TEKUN telah meluluskan pembiayaan sebanyak RM172,201,900 kepada 15,150 usahawan golongan B40 di bawah program-program tersebut.

Selain TEKUN, Bank Rakyat juga telah menawarkan kemudahan pembiayaan serta jaminan bagi menyokong pembangunan usahawan mikro. Antara program pembiayaan di bawah Bank Rakyat adalah seperti **Modal Usahawan Kecil (MusK)** dan **Micro Enterprise Fund (MEF)**, dan **Pembiayaan Mikro-i**.

Lain-lain pembiayaan mikro yang ditawarkan oleh agensi di bawah MED adalah seperti berikut :

- **SME Bank**

- Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED); dan
- *Program Pembiayaan Perniagaan Kecil (SBF)*.

- **SME Corp. Malaysia**

- Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE); dan
- Program Peningkatan Perusahaan Bumiputera (BEEP).

Sekian, terima kasih.
